



PEJABAT KETUA PENGARAH
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
Director General
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Industries
ARAS 1-6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA



03-88704003

03-88895502



ukk@dof.gov.my



<https://www.dof.gov.my>

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

MAFI PRIHATIN SUMBANGAN KEPADA NELAYAN ORANG ASLI

(SUKU KAUM MAH MERI) PULAU CAREY, SELANGOR

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah menerima laporan nilai jumlah bantuan yang diperlukan melalui Program Permulaan Semula Agromakanan (tabung bencana) untuk menyegerakan permohonan kumpulan sasaran yang terjejas melalui Jawatankuasa Teknikal di peringkat jabatan dan diangkat penilaian jumlah bantuan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Bantuan yang disalurkan adalah **tertakluk kepada kadar dan had yang ditetapkan** iaitu bantuan **sehingga 50% daripada kos operasi** (benih, peralatan dan makanan ternakan) mengikut sistem ternakan pengusaha. Had bantuan yang akan diberi juga **tidak melebihi 50% nilai kerugian yang dilaporkan dan disahkan** oleh Pejabat Perikanan Daerah/Negeri.
2. Berdasarkan laporan awal banjir terhadap sektor Agro Makanan 2021/2022 oleh DOF, **kos kerugian secara keseluruhan yang direkodkan adalah lebih kurang RM 28 juta bagi penternak akuakultur dan RM 800 ribu bagi myKomuniti Perikanan, pengusaha Perikanan (myAP) dan Nelayan Darat.**
3. Bantuan yang akan diberi adalah sama ada berbentuk **input pertanian atau peralatan/mesin, bantuan peralatan perniagaan atau lain-lain bentuk bantuan yang akan membantu memulihkan projek kumpulan sasaran serta mekanisasi dan automasi ladang.** Bagi sektor perikanan, **takrifan kumpulan sasaran adalah penternak akuakultur berskala kecil yang menjalankan aktiviti penternakan air tawar dan air payau serta hatcheri di kawasan sehingga dua hektar atau menggunakan sangkar/kandang yang tidak melebihi 15 unit.**
4. Pengusaha yang terjejas boleh menghantar **permohonan ke Pejabat Perikanan Daerah/Negeri dengan menghantar dokumen lengkap; i) Borang permohonan bantuan (perlu disahkan oleh Pengarah Perikanan Negeri); ii) Menyediakan senarai nama dan salinan Kad Pengenalan; iii) Salinan Laporan Polis (satu laporan satu kawasan /satu kerosakan/kerugian); iv) Laporan Siasatan oleh Jawatankuasa Teknikal; v) Gambar/video yang berkaitan dengan kejadian bencana; vi) Menyediakan anggaran kerugian bencana yang terlibat; vii) Perakuan permohonan pada peringkat negeri atau setara; dan viii) Menyediakan lain-lain dokumen yang berkenaan.**

5. Bagi penternak akuakultur **Negeri Selangor, seramai 50 penternak akuakultur terjejas dengan nilai kerugian kira-kira RM 3.2 juta. Manakala 69 penternak myKomuniti Perikanan (myKP), Pengusaha Perikanan (myAP) dan Nelayan Darat pula mengalami kerugian sekitar RM 600 ribu.**
6. Terdapat 5 jenis penternakan akuakultur di Negeri Selangor iaitu air payau, air tawar, hatcheri air payau swasta, hatcheri air tawar swasta dan hiasan air tawar. Bagi jaminan bekalan makanan **sektor perikanan tangkapan (laut), sehingga November 2021 sebanyak 154 ribu tan metrik pendaratan** perikanan tangkapan laut telah berjaya dilakukan. **Nilai pendaratan ini bersamaan dengan RM 1.5 billion.** Manakala bagi **perikanan tangkapan (darat) pula telah mencatatkan sebanyak 72 tan metrik** pendaratan berjaya dibuat dengan **nilai hasil sebanyak RM 1.2 juta** bagi tahun 2021.
7. Di Negeri Selangor, empat daerah yang mempunyai nelayan pantai iaitu Daerah Klang (2,234 nelayan), Kuala Langat/Sepang (893 nelayan), Kuala Selangor (1,109 nelayan) dan Sabak Bernam (3,464 nelayan). Terdapat 3 daerah di Selangor yang mempunyai nelayan darat berdaftar dan menerima Elaun Sara Hidup Nelayan Darat dimana Sabak Bernam seramai 50 orang nelayan, Kuala Selangor 21 nelayan, dan Hulu Selangor 24 orang nelayan.
8. Akibat daripada bencana banjir yang melanda, Pulau Carey antara kawasan yang turut terjejas. Seramai 30 orang asli kaum Mah Meri nelayan tulen yang berdaftar turut mengalami kerosakan kediaman dan terjejas mata pencarian.
9. DOF amat bersimpati dengan keadaan yang menimpa Nelayan Orang Asli di pulau tersebut. Justeru itu, Jabatan di peringkat negeri akan berusaha membantu mereka yang terjejas untuk beroperasi semula.
10. Jabatan juga telah mengambil peluang pada hari ini untuk menziarah dan menyampaikan sumbangan kepada 30 Nelayan Orang Asli kaum Mah Meri di Pulau Carey. Hadir menyampaikan sumbangan adalah Yang Berusaha Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), Tuan Haji Mohd Sufian bin Sulaiman bersama Pegawai-pegawai Perikanan Negeri Selangor.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

13 Januari 2022 (Khamis) jam 2.30 petang

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 012- 502 6024 (Thanaletchumy : Ketua Cawangan Pengembangan Dan
Pemindahan Teknologi PPN Selangor)

017-794 7799 (Mohd Nizam : Ketua Unit)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my